



Jururawat di Layar Perak: Imej Jururawat dalam Filem Melayu dalam Enam Dekad Pasca-Kemerdekaan Malaysia (1957-2017)

Salilah Saidun*

**Department of History and Civilization, AbdulHamid AbuSulayman Kuliyyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia.
E-mail: s_salilah@yahoo.com*

Article Info

Article history:

Received: 16th October, 2024

Accepted: 26th November, 2024

Published: 1st December, 2024

DOI:

<https://doi.org/10.33102/jicicom.vol4no2.112>

ABSTRAK

Imej jururawat berevolusi seiring dengan perubahan zaman. Fenomena evolusi imej jururawat ini dibincangkan secara akademik di peringkat global tetapi masih kurang dibincangkan di Malaysia. Untuk mengisi jurang kajian tersebut, kajian ini meneliti imej jururawat dalam filem-filem Melayu dari tahun 1957 hingga 2017, melalui analisis terhadap tiga puluh filem terpilih yang mencakupi tiga dwi-dekad pasca-kemerdekaan. Hasil kajian mendapati filem-filem Melayu masih lagi menonjolkan bidang tugas jururawat yang terfokus kepada tugas am serta tugas bukan klinikal, manakala tugas klinikal pula jarang dimasukkan dalam plot. Stereotaip seperti perwatakan garang dan paparan risiko gangguan seksual kekal dominan dalam filem Melayu sehingga dwi-dekad ketiga. Kajian ini juga mendapati ketiadaan perwakilan jururawat lelaki dalam filem Melayu sepanjang tempoh kajian, walaupun bilangan jururawat lelaki dalam profesion ini semakin meningkat. Selain itu, watak jururawat Muslim yang berakhlak mulia dan mengamalkan etika Islam juga kurang dipaparkan dalam filem Melayu. Industri perfileman wajar mengisi jurang pemaparan imej jururawat yang positif dan profesional untuk mengangkat martabat profesion kejururawatan yang besar sumbangannya kepada kemashlahatan negara.

Kata kunci: *Imej jururawat, kejururawatan, filem jururawat, perwatakan jururawat, persepsi terhadap jururawat*

Nurses on the Silver Screen: The Image of Nurses in Malay Films across Six Decades of Post-Independent Malaysia (1957-2017)

ABSTRACT

The image of nurses has evolved along with changing times. While this phenomenon of the evolving image of nurses is discussed academically at the global level, it remains underexplored in Malaysia. To address this research gap, this study examines the image of nurses in Malay films from 1957 to 2017, through an analysis of thirty selected films that span three post-independence vicenniums. The findings indicate that Malay films continue to depict nursing roles that focus mainly on general and non-clinical tasks, with clinical roles rarely being included in the plot. Stereotypes such as strict demeanor and the portrayal of risks like sexual harassment remain dominant in Malay films up until the third decade. The study also finds an absence of male nurse representation in Malay films throughout the study period, even though the number of male nurses in the profession has been increasing. Additionally, the portrayal of a Muslim nurse who upholds noble values and practices Islamic ethics has been limited in Malay films. The film industry ought to fill this gap by portraying a more positive and professional image of nurses to elevate the status of the profession that contributes significantly to national welfare.

Keywords: *Nurse image, nursing, nurse films, nurse character, perception towards nurses*

PENGENALAN

Kejururawatan merupakan profesion yang unik kerana ia merupakan kerjaya khusus untuk wanita sejak sekian lama dan sehingga hari ini masih dipelopori oleh wanita walaupun kaum Adam juga turut menceburi bidang kejururawatan pada hari ini. Jururawat merupakan satu kumpulan tenaga kerja yang besar dalam perkhidmatan jagaan kesihatan, yang menggembelng tenaga bersama para doktor, paramedik, ahli fisioterapi, ahli pemakanan, ahli farmasi, ahli biologi dan pekerja kesihatan yang lain. Bagi pesakit yang dimasukkan ke wad, jururawat merupakan insan-insan yang paling banyak meluangkan masa bersama mereka, selama dua puluh empat jam sehari silih berganti. Oleh itu, mereka merupakan insan pertama yang akan dipanggil oleh pesakit untuk mengadu masalah, meminta sesuatu dan menyelamatkan nyawa di dalam wad. Malah, peranan jururawat dalam tugas di klinik, dewan bedah serta perkhidmatan kesihatan bergerak juga amat penting dalam memastikan kelancaran dan keselamatan prosedur.

Menurut Kamus Dewan, imej merupakan gambaran atau tanggapan mengenai sesuatu perkara (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010). López-Verdugo *et al.* (2021) membentangkan sorotan literatur kajian berkaitan imej jururawat di lapan negara iaitu Sepanyol, Mesir, Argentina, Iran, Venezuela, Turkiye, United Kingdom dan Australia.

Hasil kajian menunjukkan salah faham masyarakat tentang bidang tugas jururawat berdasarkan mitos dan stereotaip sehingga tidak mengiktiraf kebolehan, bidang kuasa dan kemandirian jururawat. Ahli masyarakat mungkin mempunyai persepsi yang salah tentang imej jururawat kerana terpengaruh dengan gambaran tentang jururawat dalam media massa, termasuklah di dada akhbar, sastera, media sosial, radio, layar perak mahupun kaca televisyen. Imej yang negatif terhadap kerjaya jururawat boleh menjadi penghalang untuk menceburi bidang kejururawatan, terutamanya bagi lelaki untuk terjun ke bidang kerjaya yang distereotaip sebagai feminin ini (Roth & Coleman, 2008). Imej jururawat dalam masyarakat turut mempengaruhi persepsi jururawat terhadap imej kerjaya mereka (Hoeve *et al.*, 2014), seterusnya mempengaruhi kepuasan bekerja, keyakinan diri, jangka masa kekal dalam kerjaya kejururawatan, profesionalisme dan kualiti penyampaian perkhidmatan (Grinberg & Sela, 2022; Takase, 2020; Gunawan *et al.*, 2018; Kalisch & Kalisch, 1983a; Hughes, 1980). Oleh itu, kajian berkenaan imej jururawat amat penting untuk mengenal pasti salah faham bagi membolehkan solusi yang sesuai diperkenalkan untuk menambah baik imej jururawat secara langsung serta meningkatkan perkhidmatan kesihatan secara tidak langsung.

Di Malaysia, bidang kejururawatan kurang mendapat sambutan terutamanya di kalangan masyarakat Melayu di era awal pasca-kemerdekaan (Saidun, 2021). Kini, walaupun bidang kejururawatan kian mendapat sambutan yang tinggi, penglibatan kaum lelaki yang amat diperlukan masih lagi rendah hingga hari ini (Yakkub, 2023). Kajian melibatkan analisis laporan akhbar dan temu bual bersama jururawat oleh Saidun dan Akhmetova (2021) mendapati jururawat dahulunya dilihat sebagai kumpulan individu yang berperikemanusiaan tinggi yang melakukan pekerjaan bawahan yang kotor dan khusus untuk wanita. Dalam masa yang sama, sebahagian jururawat mempunyai imej negatif seperti perwatakan garang dan tidak menjaga batas pergaulan sosial. Kini telah berkurang imej jururawat sebagai individu yang berperikemanusiaan tinggi dan tidak menjaga batasan pergaulan berbanding dahulu dan kejururawatan pula semakin dipandang sebagai pekerjaan berkelulusan tinggi yang didominasi wanita, bukan lagi khusus untuk wanita. Di kalangan umat Islam, bidang kejururawatan yang dahulunya dilihat beridentitikan Barat dipelopori oleh Florence Nightingale kini diketahui mempunyai akar sejarah Islam yang mendalam kerana telah bertapak sejak zaman Rasulullah s.a.w. dipelopori oleh Rufaydah Al-Aslamiah serta beberapa Sahabiah yang lain (Saidun & Akhmetova, 2021). Kesedaran mengenai akar sejarah Islam dalam bidang kejururawatan, selari dengan peningkatan kesedaran tentang pengamalan Islam dalam setiap aspek kehidupan, telah mendorong perbincangan etika dalam bidang bioperubatan termasuk dalam kejururawatan. Seperti semua profesional bioperubatan lain, jururawat terikat dengan etika bioperubatan Islam yang memberi perhatian kepada hubungan antara pelbagai pihak berkepentingan (iaitu hubungan sesama rakan sekerja dan hubungan dengan penerima perkhidmatan, institusi, masyarakat, haiwan serta alam semula jadi) serta

hukum prosedur yang dijalankan (seperti prosedur penyelidikan, prosedur penyiasatan atau prosedur perubatan) (Saidun, 2015).

Berdasarkan evolusi imej jururawat di Malaysia yang dibincangkan dalam perenggan di atas, timbul persoalan, bagaimanakah pula imej jururawat digambarkan dalam filem-filem Melayu? Kertas kerja ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian ini.

SOROTAN LITERATUR

Beberapa kajian terdahulu membincangkan imej jururawat dalam ratusan filem dari pelbagai negara termasuk Amerika Syarikat, Kanada, Brazil, Mexico, Australia, New Zealand, United Kingdom, Perancis, Itali, Jerman, Sepanyol, Sweden, Belanda, Norway, Finland, Hungary, Greece, Denmark, Iceland, Belgium, Turkiye, Jepun, India, dan Iran. Beberapa tema stereotaip mengenai jururawat telah dikenal pasti daripada analisis filem-filem tersebut. Pertama, jururawat sering digambarkan di satu hujung spektrum sebagai 'malaikat' (angels) atau ibu yang sanggup mengorbankan kepentingan diri demi orang lain (Bölüktaş, 2021; Stanley et al., 2019; Renau & Campo, 2018; Valero, 2011; Stanley, 2008; Rambor & Kruse, 2007; Díaz & Manso, 2004; Siles-González et al., 1998; Bridges, 1990; Kalisch & Kalisch, 1987, 1983, 1982a, 1981b). Dalam masa yang sama, di satu lagi hujung spektrum, jururawat juga distereotaipkan sebagai wanita yang garang atau tidak beretika ketika melayani pesakit (Devi, 2021; Bölüktaş, 2021; Bridges, 1990; Kalisch & Kalisch, 1981b). Stereotaip ketiga menggambarkan jururawat sebagai objek seksual, di mana beberapa filem menonjolkan ciri-ciri fizikal mereka yang menarik, mengatasi kemahiran dan pengetahuan profesional (Matbouei et al., 2020; Bölüktaş, 2021; Stanley et al., 2019; Devi, 2021; Valero, 2011; Stanley, 2008; Kalisch & Kalisch, 2014, 1986, 1984, 1983, 1982b, 1981a; Bridges, 1990). Stereotaip keempat menggambarkan jururawat sebagai pembantu doktor yang tidak berdikari dan tidak mempunyai kuasa membuat keputusan (Bölüktaş, 2021; Matbouei et al., 2020; Valero, 2011; Rambor & Kruse, 2007; Bridges, 1990; Kalisch & Kalisch, 2011, 1986, 1982a). Stereotaip kelima menunjukkan jururawat sebagai individu yang kurang pendidikan formal dan kurang latihan kemahiran (Bölüktaş, 2021; Kalisch & Kalisch, 1986, 1981b). Namun demikian, terdapat juga filem-filem yang menonjolkan imej jururawat yang positif sebagai individu yang berkeyakinan, profesional, beragama, dan menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab. Walaupun jumlah filem sebegini lebih kecil berbanding filem yang membawa imej negatif, ia wujud, terutamanya dalam filem-filem baharu (González et al., 2023; Devi, 2021; Bölüktaş, 2021; Stanley et al., 2019; Milner, 2014; Valero, 2011; Babini, 2012; Stanley, 2008; Díaz & Manso, 2004; Kalisch & Kalisch, 1987).

Bagi imej jururawat lelaki, Stanley (2012) mendapati filem yang diterbitkan di negara-negara Barat antara 1900 dan 2010 kebanyakannya menonjolkan watak jururawat lelaki secara negatif seperti lelaki lembut, homoseksual, kurang berkemahiran, tidak beretika atau penjenayah. Malah 12 daripada 13 filem yang dikaji diterbitkan di Amerika Syarikat, menunjukkan bahawa watak jururawat lelaki sememangnya sangat jarang ditonjolkan di negara Barat yang lain. Kurangnya watak jururawat lelaki dalam filem juga dibangkitkan oleh Renau dan Campo (2018) serta Bölüktaş (2021).

Sorotan literatur menunjukkan jurang kajian dari segi geografi kerana masih belum ada kajian serupa berkaitan imej jururawat dalam filem-filem Melayu di Malaysia. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengisi jurang kajian ini dengan menganalisis imej jururawat dalam filem Melayu dalam tiga selang masa dwi-dekad pasca-kemerdekaan.

KAEDAH KAJIAN

Teori Representasi oleh Stuart Hall (1997) digunakan sebagai kerangka teori untuk memandu analisis dalam kajian ini. Representasi bermaksud menggambarkan suatu realiti dengan memberikan makna tertentu melalui bahasa, simbol, dan imej. Proses penggambaran realiti berlaku melalui pendekatan pemantulan (*reflective*), pendekatan sengaja (*intentional*), atau pendekatan pembinaan (*constructivist*). Pendekatan pemantulan bermaksud bahawa makna suatu realiti berada pada objek, individu, atau peristiwa itu sendiri, dan proses penggambarannya hanyalah seperti cermin yang sekadar memantulkan gambaran sebenarnya. Dalam pendekatan sengaja, realiti tersebut tiada mempunyai makna tersendiri; sebaliknya, insan yang menggambarkan realiti itulah yang meletakkan makna pada objek, individu, atau peristiwa tersebut melalui cara penyampaian. Dalam pendekatan pembinaan pula, makna dibina berdasarkan interaksi sosial, norma budaya, dan ideologi tertentu, bukan makna sedia ada pada objek, individu, atau peristiwa (seperti mana pendekatan pemantulan), dan bukan bergantung sepenuhnya kepada individu yang menggambarkan realiti (seperti mana pendekatan sengaja). Untuk menyampaikan gambaran realiti, seseorang individu mengekod (*encode*) makna yang ingin disampaikan dalam bentuk bahasa, simbol atau imej. Kemudian, penerima perlu menyahkod (*decode*) dan menterjemah mesej tersebut. Kedua-dua proses pengekodan (*encoding*) dan penyahkodan (*decoding*) melibatkan proses kognitif yang turut dipengaruhi oleh latar belakang seseorang, seperti pengalaman peribadi dan konteks sosio-budaya yang mempengaruhi perspektif mereka.

Kajian kualitatif ini bermula dengan proses mengenal pasti filem-filem Melayu yang ada babak melibatkan jururawat dalam tempoh enam dekad pasca-merdeka iaitu dari tahun 1957 sehingga 2017. Memandangkan Singapura merupakan sebahagian daripada Malaysia sehingga 9 Ogos 1965, filem-filem yang diterbitkan di Singapura sebelum pemisahan tersebut juga diambil kira. Antara filem-filem Melayu dalam enam

dekad tersebut, sepuluh filem Melayu dipilih untuk setiap dwi-dekad berdasarkan dua faktor. Faktor pertama adalah filem yang paling banyak babak melibatkan watak jururawat. Faktor kedua mengambil kira faktor tahun penerbitan agar filem yang dipilih lebih mewakili keseluruhan dwi-dekad melainkan memang tiada filem yang melibatkan jururawat dalam tahun-tahun tersebut yang dapat ditemui. Senarai filem ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Filem-filem Terpilih dan Jenis Watak Jururawat dalam Filem

	Filem	Watak Jururawat
Dwi-dekad pertama (1957-1977)	1. Satay (Basker, 1958)	Watak tambahan
	2. Rasa Sayang Eh (Krishnan, 1959)	Watak tambahan
	3. Seniman Bujang Lapok (Ramlee, 1961)	Watak pembantu
	4. Korban Kasih (Haniff, 1962)	Watak utama dan pembantu
	5. Ibu Mertuaku (Ramlee, 1962)	Watak tambahan
	6. Nasib Do Re Mi (Ramlee, 1966)	Watak tambahan
	7. Anak Bapak (Ramlee, 1968)	Watak pembantu
	8. Dr. Rushdi (Ramlee, 1970)	Watak utama
	9. Permintaan terakhir (Sulong, 1975)	Watak tambahan
	10. Menanti Hari Esok (1977)	Watak tambahan
Dwi-dekad kedua (1978-1997)	1. Sumber Ilhamku (Jaafar, 1978)	Watak tambahan
	2. Si Badol (Sattar, 1979)	Watak tambahan
	3. Esok Masih Ada (Shamsuddin, 1980)	Watak tambahan
	4. Sesejuk Air Mata Ibu (Rahim, 1981)	Watak pembantu
	5. Esok Untuk Siapa (Shamsuddin, 1982)	Watak tambahan
	6. Bila Hati Telah Retak (Shamsuddin, 1982)	Watak utama
	7. Sayang Ibu (Rojik, & Wong, 1987)	Watak tambahan
	8. Kembar Siam (Badol, 1989)	Watak tambahan
	9. Sejati (Mahmud, 1991)	Watak tambahan
	10. Tragedi Oktober (Ismail & Kelana, 1996)	Watak tambahan
Dwi-dekad ketiga (1997-2017)	1. Senario The Movie (Shamsuddin & Osman, 1999)	Watak pembantu
	2. Syukur 21 (Pak, 2000)	Watak tambahan
	3. Seri Dewi Malam (Osman, 2001)	Watak tambahan
	4. Buli (Shauki, 2004)	Watak tambahan
	5. Jangan Pandang Belakang (Idham, 2007)	Watak tambahan
	6. Hantu Bonceng (Idham, 2011)	Watak pembantu
	7. Adnan Sempit 3 (Hashim, 2013)	Watak tambahan
	8. Kisah Paling Gangster (Lee, 2013)	Watak pembantu
	9. CCTV (Daven, 2015)	Watak utama
	10. Hospital (Ghozali, 2017)	Watak utama

Analisis kandungan dijalankan terhadap imej jururawat dalam tiga puluh filem terpilih tersebut. Perbandingan imej jururawat dalam setiap dwi-dekad dijalankan untuk mengenal pasti perkembangan, persamaan dan perbezaan imej jururawat dalam tempoh tersebut dari segi bidang tugas jururawat, perwatakan jururawat dan risiko yang didepani oleh jururawat.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dwi-dekad Pertama Pasca-kemerdekaan (1957-1977)

Dalam dwi-dekad ini, enam daripada sepuluh filem yang dipilih menyelitkan jururawat sebagai watak tambahan sahaja. Dua filem memaparkan watak jururawat sebagai watak pembantu, satu filem memaparkan watak jururawat sebagai watak utama dan satu lagi filem menonjolkan watak jururawat sebagai watak utama serta watak pembantu.

Bidang tugas jururawat

Kebanyakan watak jururawat yang ditunjukkan dalam filem-filem era ini tidak terlihat mempunyai kemahiran yang tinggi, tetapi sekadar pembantu am. Contohnya, jururawat merupakan penyambut tetamu, penunjuk jalan, penjaga pejabat, penjawab panggilan, pembersih kawasan, penghalang orang lain mengganggu doktor dan pembuka pintu dalam filem *Rasa Sayang Eh*, *Korban Kaseh*, *Ibu Mertuaku*, *Anak Bapak*, *Dr. Rushdi*, *Permintaan Terakhir* dan *Menanti Hari Esok*.

Tugas jururawat dengan pesakit yang dimuatkan dalam filem-filem ini juga tidak memerlukan kemahiran klinikal. Tugas yang dilakukan terhad kepada memanggil pesakit, menemani pesakit ketika menerima rawatan (*chaperone*), mengangkat pesakit, mengiringi pesakit, memberi ubat kepada pesakit, menghulurkan peralatan kepada doktor, mengelap peluh doktor ketika pembedahan, membantu doktor mengingatkan apa yang pesakit minta, mencari pesakit yang hilang dan memaklumkan berita kematian seperti yang ditonjolkan dalam filem *Satay*, *Seniman Bujang Lapok*, *Ibu Mertuaku*, *Nasib Do Re Mi*, *Permintaan Terakhir* dan *Menanti Hari Esok*.

Tugasan klinikal asas hanya kelihatan dalam filem *Menanti Hari Esok*. Terdapat satu babak dalam filem tersebut di mana jururawat mengambil tekanan darah pesakit.

Perwatakan jururawat

Dalam menjalankan tugas kejururawatan, dua perwatakan berlawanan ditonjolkan. Ada filem yang menggambarkan watak jururawat sebagai garang dan kasar, seperti salah seorang jururawat dalam filem *Korban Kasih*. Sebaliknya watak jururawat yang ringan tulang, sabar melayan pesakit dan mesra ditonjolkan dalam filem *Korban Kaseh*, *Ibu Mertuaku* dan *Nasib Do Re Mi* dan Dalam filem lain, jururawat menjalankan tugasnya tanpa bersuara dan dengan wajah yang tidak menunjukkan sebarang emosi.

Pakaian seragam jururawat ketika itu merupakan baju yang mengikut bentuk badan dan berlengan pendek dengan skirt paras lutut atau betis tetapi watak jururawat turut berpakaian singkat, terdedah dan ketat di luar waktu kerja seperti dalam filem *Seniman Bujang Lapok*, *Korban Kaseh* dan *Anak Bapak*. Pakaian seperti ini lebih hampir kepada ciri kebaratan dan bertentangan dengan norma berpakaian tradisional Melayu yang

kebanyakannya longgar (kecuali kebaya ketat), labuh ke paras buku lali dan berlengan panjang atau sekurang-kurangnya sehingga menutupi siku.

Perwatakan sosial jururawat sering ditonjolkan secara negatif. Dalam filem *Seniman Bujang Lapok*, Salmah yang bekerja sebagai jururawat berdua-duaan dengan lelaki di tempat sunyi pada waktu malam. Filem *Dr. Rushdi* pula menayangkan situasi jururawat Muliani menjalin hubungan dengan Dr. Rushdi yang bermula di tempat kerja sehingga membawa kepada peringkat bersekedudukan. Dalam filem *Korban Kaseh dan Anak Bapak*, jururawat Mariani dan jururawat Halimah masing-masing tidak menjaga batasan hubungan seperti berdua-duaan dan bersentuhan dengan lelaki.

Filem *Dr. Rushdi* turut mempertontonkan watak jururawat yang terlibat dengan jenayah. Jururawat Muliani bersubahat dengan Dr. Rushdi menggunakan mayat Alimin untuk diletakkan dalam kereta yang ditolak ke gaung untuk membuat orang ramai mempercayai kematian Dr. Rushdi untuk menuntut pampasan insurans.

Risiko yang didepani jururawat

Kebanyakan watak jururawat dilayan secara biasa oleh watak-watak lain dalam filem-filem yang terpilih dalam kapasiti urusan rasmi. Walau bagaimanapun, beberapa watak jururawat menerima layanan secara negatif. Contohnya, dalam *Nasib Do Re Mi* jururawat bertugas yang wajahnya seiras wajah Milah disapa dengan "Hai Milah buah hati pengarang jantungku, I love you" dan "Gelisah, ma'am...tiada ma'am, ma'am".

Dwi-dekad kedua pasca-kemerdekaan (1977-1997)

Sebanyak lapan filem yang dipilih dalam dwi-dekad ini menyelitkan watak-watak tambahan sebagai jururawat. Hanya satu filem yang menonjolkan jururawat sebagai watak utama dan satu lagi sebagai watak pembantu.

Bidang tugas jururawat

Tugas am jururawat seperti memegang fail dan menunjuk jalan dimuatkan dalam filem-filem yang terpilih. Antara filem tersebut adalah *Esok Masih Ada*, *Esok untuk Siapa* dan *Sesejuk Air Mata Ibu*.

Tugas jururawat berkaitan pesakit boleh dilihat seperti membetulkan pakaian pesakit, mengiringi pesakit, menolak pengusung, menutup langsir, menemani pesakit ketika rawatan dan mengangkat pesakit. Semua tugas ini dapat ditonton dalam filem *Si Badol*, *Sesejuk Air Mata Ibu*, *Esok untuk Siapa*, *Sayang Ibu*, *Sumber Ilhamku*, *Esok Masih Ada* dan *Tragedi Oktober*.

Tugas klinikal jururawat seperti membetulkan set cecair rawatan (*intravenous drip*), melaporkan tanda vital (*vital signs*) dan dipanggil untuk menyelamatkan pesakit yang

disangka terhenti jantungnya turut mula kelihatan. Ia dimuatkan dalam babak filem Kembar Siam, Esok Masih Ada dan Esok untuk Siapa.

Dalam dwi-dekad ini, imej jururawat yang melibatkan kerja mengubat dan bukan sekadar menjaga pesakit pertama kali kelihatan dalam filem. Dalam filem Bila Hati Telah Retak jururawat Rohana menguruskan klinik desa seorang diri dengan menziarahi pesakit, membuat pemeriksaan antenatal berkala dan menyambut kelahiran. Beliau juga memberi ubat bersesuaian dengan keadaan pesakit bagi penyakit-penyakit yang biasa dan ringan.

Perwatakan jururawat

Perwatakan positif jururawat turut diselitkan dalam babak-bakak filem. Jururawat ditonjolkan sebagai penyayang, mesra, rajin dan berdedikasi, seperti yang ditonjolkan dalam filem Kembar Siam, Sesejuk Air Mata Ibu dan Bila Hati Telah Retak. Dalam filem Sesejuk Air Mata Ibu, jururawat memujuk bapa pesakit untuk berusaha mencari ibu pesakit untuk ditemukan sebelum akhir hayatnya. Jururawat turut menenangkan pesakit yang kesedihan. Jururawat Rohana dalam filem Bila Hati Telah Retak pula menjalankan panggilan dari rumah ke rumah dengan menaiki motor tidak kira pada waktu siang atau malam, sehingga beliau mengatakan "Bila tiada orang datang ke klinik, Hana masuk ke kampung-kampung. Jadi terbalik pula, Pak Lang. Sepatutnya pesakit mencari ubat, ini ubat mencari pesakit. Tapi tak apalah, sudah memang tugas Ana". Rohana tetap menjalankan tanggungjawabnya menyambut kelahiran Kalsom, isteri kepada Jusoh yang pernah membuat percubaan memperkosanya.

Tidak banyak perwatakan negatif jururawat yang dibawa dalam filem era ini. Walau bagaimanapun, dalam filem Sayang Ibu, jururawat tidak cuba menenangkan waris yang kematian ahli keluarganya.

Dari segi pakaian, berbeza dengan era sebelum ini yang semua pakaian seragam jururawat merupakan skirt paras lutut atau betis, filem-filem dalam dwi-dekad ini mula menunjukkan jururawat memakai pakaian seragam berlengan pendek dan berseluar panjang. Pakaian mereka di luar waktu kerja juga tidak terlalu terdedah walaupun tiada antara mereka yang bertudung.

Risiko yang didepani jururawat

Gangguan seksual masih lagi diketengahkan dalam filem di era ini. Jururawat Rohana sering diganggu oleh beberapa lelaki di kawasan itu sehingga membawa kepada percubaan memperkosanya oleh tiga orang lelaki. Dalam filem Sejati pula, pesakit mengajak jururawat berkahwin dengannya.

Jururawat Rohana dalam filem Bila Hati Telah Retak turut menghadapi masalah lain dalam menjalankan tugas. Memandangkan Rohana ditempatkan di klinik desa,

Rohana menjalani perkahwinan jarak jauh dengan suaminya di Kuala Lumpur sehingga rumahtangganya runtuh. Rohana juga menderita apabila Mak Lijah, bidan kampung yang tidak menyenangi kehadirannya telah memfitnahnya menjalin hubungan sulit dengan Rashid sehingga menyebabkan pergaduhan dan amukan isteri Rashid, iaitu Zainab.

Dwi-dekad ketiga pasca-kemerdekaan (1997-2017)

Majoriti filem yang dipilih hanya memuatkan watak tambahan sebagai jururawat. Filem yang memaparkan watak utama jururawat dan watak pembantu jururawat masing-masing adalah dua filem.

Bidang tugas jururawat

Tugas am jururawat memang tidak ketinggalan dalam filem-filem Melayu. Filem Syukur 21, Seri Dewi Malam, Adnan Sempit 3, Jangan Pandang Belakang, Hantu Bonceng dan CCTV memasukkan babak jururawat menjadi penyambut tetamu, pemegang fail, peminta bayaran daripada pesakit dan menghalau individu yang tidak sepatutnya berada di suatu kawasan.

Hanya satu filem dalam dwi-dekad ini yang mempertontonkan kerjaya kejururawatan sebagai kerjaya yang berdikari dan boleh menjalankan tugasnya tanpa arahan doktor. Babak jururawat yang berdikari mengubati pesakit dilihat dalam filem Senario The Movie.

Sebaliknya, tugas jururawat yang melibatkan pesakit masih lagi dihadkan kepada tugas yang kurang berkemahiran. Antaranya mengangkat pesakit, mengiringi pesakit, menyelimutkan pesakit, menyusun barang, memberi ubat, menenangkan pesakit yang agresif, mengajar pesakit menggunakan topang ketiak (*crutches*) dan memakaikan pelitup muka kepada doktor dalam filem Syukur 21, Seri Dewi Malam, Buli, Adnan Sempit 3, Hantu Bonceng, Kisah Paling Gangster, CCTV dan Hospital.

Filem Syukur 21 memuatkan babak pesakit dicukur kepalanya oleh seorang pekerja lelaki yang memakai pelitup muka dan penutup kepala di dalam dewan bedah. Tugas ini biasa dijalankan oleh seorang jururawat ataupun pembantu perawatan am, namun tidak ditonjolkan secara khusus jawatan pekerja tersebut. Dalam babak yang lain pula, kelihatan dua jururawat wanita berpakaian seragam berlengan panjang dan bertudung (walaupun tidak ketat, pakaian mereka masih menampilkan bentuk badan) menjaga pesakit bersama dan tidak berduaan dengan pesakit.

Tugas klinikal ada ditunjukkan tetapi hanya prosedur kecil seperti memberi suntikan, membalut luka dan membetulkan set cecair rawatan (*intravenous drip*). Babak ini terlihat dalam filem Hantu Bonceng, CCTV dan Hospital.

Perwatakan jururawat

Stereotaip jururawat garang atau kasar tidak ketinggalan dalam filem-filem terpilih dalam dwi-dekad ini. Beberapa watak jururawat garang termasuklah Sister Rokiah dalam filem Hospital, jururawat dalam filem Adnan Sempit 3 serta jururawat Ina dalam Senario The Movie.

Jururawat yang melanggar etika profesional kerahsiaan pesakit turut diselitkan. Jururawat Halimaton mendapatkan maklumat tentang seorang pesakit yang terbunuh dalam kemalangan untuk urusan peribadi atas permintaan teman lelakiinya dalam filem Hantu Bonceng. Dalam filem CCTV, jururawat Mariana dan jururawat Siti ada menceritakan sejarah kesihatan pesakit lain kepada pesakit lain.

Jururawat yang rajin, komited dengan tugas dan sabar melayani karenah pesakit turut ditonjolkan dalam beberapa filem. Filem Hospital adalah antara filem yang memuatkan babak-babak tersebut.

Perwatakan sosial jururawat yang tidak menjaga batas pergaulan dengan lelaki masih lagi dipaparkan dalam beberapa filem. Antaranya dalam filem Hospital, jururawat Amira tidak kisah apabila disentuh oleh Dr. Farid yang ingin menenangkannya. Dalam filem Kisah Paling Gangster, jururawat Rina membuat gaya manja dan mengajak paramedik Remy keluar menonton teater bersamanya dan dalam babak lain, mereka berpelukan. Jururawat Halimaton pula tidak menjaga batas sentuhan dengan teman lelakiinya, membonceng motorsikal bersama teman lelaki dan pernah meminta untuk berpindah ke rumah teman lelakiinya untuk sementara waktu dalam filem Hantu Bonceng.

Penglibatan jururawat dalam jenayah pula dimasukkan dalam filem Hospital di mana jururawat Dahlia menolak rakan serumahnya, Erin sehingga meninggal dunia dan juga mencederakan serta mengugut untuk membunuh Amira.

Jururawat yang berpakaian seragam berlengan panjang dan bertudung juga pertama kalinya boleh dilihat dalam filem dalam era ini, walaupun dalam masa yang sama masih ada jururawat yang tidak bertudung dengan memakai seluar panjang atau skirt paras lutut. Begitu juga dengan penampilan mereka di luar waktu kerja.

Risiko yang didepani jururawat

Situasi jururawat berhadapan dengan gangguan seksual berterusan filem-filem di era ini. Kisah Paling Gangster memuatkan babak pesakit lelaki tua cuba membuat jururawat menunduk untuk mengintai ke dalam bukaan leher baju jururawat dan menyampaikan sindiran seksual (*sexual innuendo*), "Nurse, rasa-rasa nak makan buah epal hijau yang masin-masin masam-masam sedikit", tetapi apabila diberi buah epal, beliau menyatakan, "Eh, ini buah epal biasa, nurse". Dalam filem CCTV, pesakit

bernama Hariri masuk ke bilik asrama jururawat Mariana tanpa kebenaran sehingga Mariana terkejut apabila keluar dari bilik mandi dalam keadaan bertuala manakala Dr. Mutalib pula cuba memperkosa Mariana.

Selain risiko gangguan seksual, babak jururawat berdepan dengan risiko lain turut dimuatkan dalam jalan cerita. Filem CCTV mengandungi babak kebakaran. Filem Hospital pula mengenengahkan risiko gangguan mistik, kecederaan fizikal serta kesukaran mengawal pesakit mental. Dalam filem Adnan Sempit 3, Wawa dan Nadia menaiki motor sehingga ke dalam bilik bersalin yang berpotensi menyebabkan kemalangan, walaupun tidak berlaku kemalangan dalam filem tersebut.

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Bidang tugas jururawat terdiri daripada tiga kategori tugas. Pertama, jururawat terlibat dengan tugas am seperti menyambut tetamu, mengemas katil dan sebagainya. Kedua, jururawat perlu melaksanakan tugas bukan klinikal berkaitan penjagaan pesakit seperti menolak pesakit berkerusi roda, menemani pesakit dan sebagainya. Ketiga, jururawat dipertanggungjawabkan dengan tugas klinikal seperti menyambut kelahiran, memasukkan tiub dalam saluran pesakit, melakukan prosedur resusitasi dan sebagainya. Dalam enam dekad ini, filem-filem Melayu menonjolkan bidang tugas jururawat secara tidak seimbang dan kurang dari segi tugas klinikal yang memerlukan kemahiran yang tinggi. Sebaliknya, jururawat masih lagi digambarkan sebagai pekerja yang kurang berkemahiran dan melakukan tugas-tugas am serta tugas bukan klinikal sahaja dengan status yang lebih rendah daripada para doktor (kerana hanya menjaga pesakit, bukan mengubati pesakit), melainkan dalam filem Bila Hati Telah Retak dan Senario The Movie. Berdasarkan Teori Representasi, hal ini mungkin berlaku kerana persepsi terbatas di kalangan pembuat filem terhadap bidang tugas jururawat. Masyarakat umum juga cenderung mengetahui tugas-tugas am dan bukan klinikal, manakala tugas-tugas klinikal hanya disaksikan oleh mereka yang lebih dekat dengan dunia kejururawatan. Oleh itu, pembuat filem disarankan untuk melakukan kajian mendalam mengenai skop tugas jururawat seperti melibatkan jururawat sebenar dalam proses menulis skrip dan proses pembikinan filem. Secara tidak langsung, ia membuka peluang untuk lebih ramai wanita terlibat dalam industri perfileman yang memerlukan lebih banyak usaha pemerkasaan wanita (Samsudin, 2022). Selain itu, jururawat sendiri juga boleh memainkan peranan dalam memperluas pemahaman masyarakat melalui perkongsian awam mengenai skop kerja mereka yang sebenarnya.

Filem-filem yang terpilih ini tiada satu pun yang membawakan watak jururawat lelaki secara jelas. Dalam filem Syukur 21, tidak diketahui apakah pekerja yang mencukur rambut pesakit di dewan bedah itu seorang jururawat lelaki ataupun pembantu perawatan am. Ketiadaan jururawat lelaki dalam sebelum tahun 1990-an adalah

difahami berdasarkan pendekatan pemantulan dalam Teori Representasi kerana ketika itu memang tiada perjawatan bagi jururawat lelaki. Namun sehingga kini, jururawat lelaki belum ada tempat di layar perak sedangkan jururawat lelaki semakin bertambah bilangannya dari tahun ke tahun. Mungkin bilangan jururawat lelaki yang masih kecil menyebabkan pembuat filem kurang berpengalaman dengan mereka dan tidak dapat menggambarkan watak tersebut dalam karya mereka.

Pembuat filem wajar memperlihatkan imej yang lebih adil dalam melambangkan akhlak para jururawat kerana pembuat filem memainkan peranan dalam mempengaruhi persepsi awam terhadap imej jururawat, seperti yang diterangkan dalam Teori Representasi. Tidak dinafikan kedua-dua jenis perwatakan positif dan negatif wujud dalam realiti. Oleh itu, penonjolan kedua-dua watak tersebut wajar diseimbangkan dalam filem, bukan menonjolkan salah satu melebihi yang lain.

Dalam masa yang sama, imej jururawat sentiasa menerima gangguan seksual (seperti usikan, pandangan yang tidak sopan, mencabul kehormatan atau cubaan memperkosa) berterusan ke hari ini. Sememangnya gangguan seksual serta kekerasan fizikal, lisan atau bertulis merupakan cabaran bagi semua pekerja kesihatan sehingga Kementerian Kesihatan Malaysia berusaha menghentikan kekerasan terhadap anggota kesihatan melalui poster serta garis panduan mencegah dan menangani kekerasan terhadap anggota mereka (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2017). Oleh itu, sekiranya babak kekerasan dipaparkan, adalah lebih baik jika ditunjukkan pelakunya menerima hukuman supaya dapat mendidik masyarakat. Jika tidak, dikhuatiri babak sebegitu akan mempengaruhi golongan penonton yang rendah akhlaknya untuk mencuba melakukan adegan sedemikian dalam kehidupan sebenar.

Satu lagi kekurangan dalam penggambaran watak jururawat dalam filem Melayu adalah kurangnya watak jururawat yang membawa akhlak Muslim yang baik serta mengamalkan etika perawatan berlandaskan prinsip Islam. Memandangkan orang Melayu di Malaysia beragama Islam (seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan) adalah sesuatu yang agak mengejutkan apabila watak jururawat sedemikian tidak pernah dipaparkan dalam mana-mana filem Melayu. Watak jururawat Islam yang berakhlak mulia ini (termasuklah dari segi menjaga hubungan dengan Tuhan, menjaga diri sendiri dan menjaga hubungan dengan makhluk yang lain) bukan sahaja dapat memberi gambaran yang lebih seimbang dan positif terhadap profesion kejururawatan, tetapi juga mampu mencerminkan identiti budaya dan agama masyarakat Melayu. Malah, ia dapat menjadi contoh yang baik untuk diteladani oleh para jururawat Muslim di Malaysia kerana media merupakan salah satu uslub dakwah (Handoko *et al.*, 2021) yang berpotensi untuk menyebarkan kebaikan. Antara etika kejururawatan Islam yang boleh ditonjolkan adalah etika hubungan dengan institusi, etika hubungan sesama rakan sekerja, etika hubungan dengan penerima perkhidmatan, etika hubungan dengan masyarakat awam, etika hubungan dengan

haiwan serta etika hubungan dengan alam semula jadi serta etika hukum prosedur yang terlibat, termasuklah prosedur penyelidikan, prosedur penyiasatan atau prosedur perubatan.

Kajian ini mendapati wujudnya kelima-lima stereotaip jururawat yang dikenalpasti dalam kajian filem antarabangsa, termasuk kurangnya representasi jururawat lelaki di layar perak. Namun begitu, perbezaan ketara muncul apabila dibandingkan dengan filem negara-negara Barat, di mana imej jururawat semakin menunjukkan penambahbaikan dalam filem-filem mutakhir. Sebaliknya, filem Melayu masih mengekalkan gambaran yang tidak adil, dengan memfokuskan tugas, status, dan moral jururawat secara terhad dan tidak mencerminkan realiti sebenar peranan mereka dalam sektor kesihatan. Dengan terlihatnya kepentingan dan sumbangan jururawat yang besar kepada negara terutamanya ketika pandemik COVID-19, diharap filem Melayu pada masa hadapan dapat menonjolkan imej jururawat secara lebih holistik, mencerminkan keseimbangan antara aspek positif dan negatif, sekali gus menyumbang kepada penghargaan lebih mendalam terhadap profesion ini.

PENGHARGAAN

Sebahagian hasil kajian dalam makalah ini adalah daripada tesis Doktor Falsafah Penulis di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Penulis merakamkan penghargaan kepada penilai yang membantu menambahbaik makalah ini.

RUJUKAN

- Babini, E. (2012). The representation of nurses in 1950s melodrama: A cross-cultural approach. *Nursing Outlook*, 60(Suppl 5), S27–S35. <https://doi.org/10.1016/j.outlook.2012.06.019>
- Badol, A. R. (1989). *Kembar Siam* [Filem]. Music Valley.
- Basker, K. M. (1958). *Satay* [Filem]. Cathay Keris-Film Production.
- Bölüktaş, R. P. (2021). How nurses are portrayed in American and Turkish movies. *Gevher Nesibe Journal of Medical and Health Sciences*, 6(11), 6–11. <https://doi.org/10.46648/gnj.0164>
- Bridges, J. M. (1990). Literature review on the images of the nurse and nursing in the media. *Journal of Advanced Nursing*, 15, 850–854. <https://doi.org/10.1111/j.1365-2648.1990.tb01893.x>
- Daven, R. (2015). *CCTV* [Filem]. Empire Film Solution.
- Devi, S. (2021). Nursing profession—Portrayal of nurses in Indian cinema and its impact on public opinion about the nursing profession. *Annals of RSCB*, 25(3), 7204–7209. <https://doi.org/10.35367/rsch.7204>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan* (4th ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Díaz, E. A., & Manso, P. B. (2004). La enfermería en “Hable con ella.” *Index de Enfermería*, 13(44–45). <https://doi.org/10.4321/S1132-12962004000100015>
- Ghozali, A. (2017). *Hospital* [Filem]. Metrowealth Pictures.
- González, H., Errasti-Ibarrondo, B., Iraizoz-Iraizoz, A., & Choperena, A. (2023). The image of nursing in the media: A scoping review. *International Nursing Review*, 70(3), 425–443. <https://doi.org/10.1111/inr.12833>
- Grinberg, K., & Sela, Y. (2022). Perception of the image of the nursing. *BMC Nursing*, 21(1), Article 57. <https://doi.org/10.1186/s12912-022-00878-3>
- Gunawan, J., Aungsuroch, Y., Sukarna, A., Nazliansyah, & Efendi, F. (2018). The image of nursing as perceived by nurses: A phenomenological study. *Nursing and Midwifery Studies*, 7(4), 180–185. <https://doi.org/10.15171/nms.2018.30>

- Hall, S. (1997). The work of representation. In S. Hall (Ed.), *Representation: Cultural representations and signifying practices* (pp. 13–74). SAGE Publications.
- Handoko, D., Ali, M. N. S., & Mahmud, W. A. W. (2021). Religious television management in Indonesia (Study on TV9 Nusantara as Islamic television). *Al-I'lam – Journal of Contemporary Islamic Communication and Media*, 1(2), 166–177. <https://doi.org/10.33102/jcicom.vol1no2.23>
- Haniff, H. (1962). *Korban Kaseh* [Film]. Cathay-Keris Productions.
- Hashim, I. B. (2013). *Adnan Sempit 3* [Film]. Metrowealth Pictures.
- Hoeve, Y. T., Jansen, G., & Roodbol, P. (2014). The nursing profession: Public image, self-concept, and professional identity: A discussion paper. *Journal of Advanced Nursing*, 70(2), 295–309. <https://doi.org/10.1111/jan.12100>
- Hughes, L. (1980). The public image of the nurse. *Advances in Nursing Science*, 2(3), 55–72. <https://doi.org/10.1097/00012272-198003000-00009>
- Idham, A. (2007). *Jangan Pandang Belakang* [Film]. Metrowealth Movies Production.
- Idham, A. (2011). *Hantu Bonceng* [Film]. Metrowealth Movies Production.
- Ismail, F., & Kelana, Y. (Producers), & Kelana, Y. (Director). (1996). *Tragedi Oktober* [Film]. M.E. Communications Sdn. Bhd. & Skop Productions Sdn. Bhd.
- Jaafar, A. (1978). *Sumber Ilhamku* [Film]. Syed Kechik Film Productions Sdn. Bhd.
- Kalisch, P. A., & Kalisch, B. J. (1981a). When nurses were national heroines: Images of nursing in American film, 1942–1945. *Nursing Forum*, 20(1), 14–61. <https://doi.org/10.1111/j.1744-6198.1981.tb00733.x>
- Kalisch, P. A., & Kalisch, B. J. (1981b). The image of psychiatric nurses in motion pictures. *Perspectives in Psychiatric Care*, 19(3–4), 116–129. <https://doi.org/10.1111/j.1744-6163.1981.tb00125.x>
- Kalisch, P. A., & Kalisch, B. J. (1982a). The image of the nurse in motion pictures. *American Journal of Nursing*, 82(4), 605–611.
- Kalisch, B. J., Kalisch, P. A., & McHugh, M. L. (1982b). The nurse as a sex object in motion pictures, 1930 to 1980. *Research in Nursing & Health*, 5(3), 147–154. <https://doi.org/10.1002/nur.4770050306>

- Kalisch, B. J., & Kalisch, P. A. (1983a). Improving the image of nursing. *American Journal of Nursing*, 83(1), 48–55. <https://doi.org/10.1097/00000446-198301000-00027>
- Kalisch, B. J., & Kalisch, P. A. (1983b). Anatomy of the image of the nurse: Dissonant and ideal models. *American Nurses Association Publications*, G-161, 3–23.
- Kalisch, P. A., & Kalisch, B. J. (1986). A comparative analysis of nurse and physician characters in the entertainment media. *Journal of Advanced Nursing*, 11(2), 179–195. <https://doi.org/10.1111/j.1365-2648.1986.tb01236.x>
- Kalisch, P. A., & Kalisch, B. J. (1987). *The changing image of the nurse*. Addison-Wesley.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2017). *Garis panduan mencegah dan menangani kekerasan terhadap anggota di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia*. Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Kress, D., Godack, C. A., Berwanger, T. L., & Davidson, P. M. (2018). The new script of nursing: Using social media and advances in communication to create a contemporary image of nursing. *Contemporary Nurse*, 54(4–5), 388–394. <https://doi.org/10.1080/10376178.2018.1450130>
- Krishnan, L. (1959). *Rasa Sayang Eh* [Filem]. Cathay-Keris Film Production.
- Lee, B. (2013). *Kisah Paling Gangster* [Filem]. B&L Kreatif.
- López-Verdugo, M., Ponce-Blandón, J. A., & López-Narbona, F. J. (2021). Social image of nursing: An integrative review about a yet unknown profession. *Nursing Reports*, 11, 460–474. <https://doi.org/10.3390/nursrep11020055>
- Mahmud, N. (1991). *Sejati* [Filem]. SV Productions.
- Matbouei, M., Raiesdana, N., Nobahar, M., & Arian, M. (2020). Assessment of the nurse image in Iranian cinema. *Journal of Nursing Education*, 9(5), 11–19.
- Milner, L., & Brigden, C. (2014). From martyr to robo-nurse: The portrayal of Australian nurses on screen. *Studies in Australasian Cinema*, 8(2–3), 110–122. <https://doi.org/10.1080/17503175.2014.976448>
- Osman, A. M. (2001). *Seri Dewi Malam* [Filem]. Grand Brilliance Sdn. Bhd. & Paradigm Film Sdn. Bhd.
- Pak, E. (2000). *Syukur 21* [Filem]. Metrowealth Pictures.
- Rahim, A. (1981). *Sesujuk Air Mata Ibu* [Filem]. Zahari Films Production Sdn. Bhd.

- Rambor, A., & Kruse, M. H. L. (2007). Os filmes hollywoodianos e a produção de sentidos sobre a enfermeira. *Revista Gaúcha de Enfermagem*, 28(1), 52–61.
- Ramlee, P. (1961). *Seniman Bujang Lapok* [Film]. Malay Film Productions Ltd.
- Ramlee, P. (1962). *Ibu Mertuaku* [Film]. Malay Film Productions Ltd.
- Ramlee, P. (1966). *Nasib Do Re Mi* [Film]. Merdeka Film Studio.
- Ramlee, P. (1968). *Anak Bapak* [Film]. Merdeka Film Studio.
- Ramlee, P. (1970). *Dr. Rushdi* [Film]. Merdeka Film Studio.
- Renau, A. Y., & Campo, L. A. (2018). La representación de la enfermería en el cine. Modelos y estereotipos. *Revista de Medicina y Cine*, 14(3), 165–171. https://revistas.usal.es/index.php/medicina_y_cine/article/view/19089
- Rojik, O., & Wong, N. T. (Directors). (1987). *Sayang Ibu* [Film]. Solid Gold Studio Sdn. Bhd.
- Roth, J., & Coleman, C. (2008). Perceived and real barriers for men entering nursing: Implications for gender diversity. *Journal of Cultural Diversity*, 15, 148–152.
- Saidun, S. (2015). Islamic medical ethics: An overview. *PERINTIS eJournal*, 5(1), 45–57.
- Saidun, S. (2021). The underrepresentation and the disinterest of Malay women in nursing in the early post-colonial Malaysia (1957–1977). *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 14(2), 181–200. [https://doi.org/10.37052/jm.14\(2\)no2](https://doi.org/10.37052/jm.14(2)no2)
- Saidun, S., & Akhmetova, E. (2021). Then and now: The evolution of the image of nursing and nurses in Malay society (1957–2018). *The Malaysian Journal of Nursing*, 12(3), 64–75. <https://doi.org/10.31674/mjn.2021.v12i3.016>
- Samsudin, S. M., Abd Karim, N. K., & A. Rahman, S. H. (2022). Pemerkasaan wanita Muslim: Kajian industri media kreatif di Malaysia. *Al-I'lam: Journal of Contemporary Islamic Communication and Media*, 2(2). <https://doi.org/10.33102/jcicom.vol2no2.54>
- Sattar, A. (1979). *Si Badol* [Film]. Sabah Films Productions Sdn. Bhd.
- Shamsuddin, J. (Director). (1977). *Menanti Hari Esok* [Film]. Jins Shamsuddin Productions.
- Shamsuddin, J. (1980). *Esok Masih Ada* [Film]. Jins Shamsuddin Productions.

- Shamsuddin, J. (1982). *Esok untuk Siapa* [Filem]. Ise Films Productions.
- Shamsuddin, O., & Osman, A. M. (1999). *Senario The Movie* [Filem]. Ambang Klasik.
- Shamsuddin, R. O. (1982). *Bila Hati Telah Retak* [Filem]. Filem Negara Malaysia.
- Shauki, A. (2004). *Buli* [Filem]. Grand Brilliance Sdn. Bhd.
- Siles-González, J., García-Hernández, E., Cibanal-Juan, L., Gallardo-Frías, Y., & Lillo-Crespo, M. (1998). La enfermería en el cine. Imagen durante la Guerra Civil Española. *Revista ROL de Enfermería*, 244, 25–28.
- Stanley, D. J. (2008). Celluloid angels: A research study of nurses in feature films 1900–2007. *Journal of Advanced Nursing*, 64(1), 84–95. <https://doi.org/10.1111/j.1365-2648.2008.04707.x>
- Stanley, D. (2012). Celluloid devils: A research study of male nurses in feature films. *Journal of Advanced Nursing*, 68, 2526–2537. <https://doi.org/10.1111/j.1365-2648.2012.05952.x>
- Stanley, D., Stanley, K., & Magee, D. (2019). Celluloid zombies: A research study of nurses in zombie-focused feature films. *Journal of Advanced Nursing*, 75(8), 1751–1763. <https://doi.org/10.1111/jan.14036>
- Sulong, J. (Director). (1975). *Permintaan Terakhir* [Filem]. Merdeka Film Productions and Shaw Organisation.
- Takase, M. (2020). *Influence of public image of nurses on nursing practice* [Master's dissertation, Edith Cowan University]. Faculty of Communications, Health and Science.
- Valero, C. H. (2011). *Imagen social de la enfermera a través de los medios* [Doctoral dissertation, Universidad de Granada]. <http://hdl.handle.net/10481/18527>
- Weaver, R., Ferguson, C., Wilbourn, M., & Salamonson, Y. (2014). Men in nursing on television: Exposing and reinforcing stereotypes. *Journal of Advanced Nursing*, 70(4), 833–839. <https://doi.org/10.1111/jan.12268>
- Yakkub, M. Y. (2023, December 8). Permintaan terhadap jururawat lelaki semakin tinggi. *Kosmo!*. <https://www.kosmo.com.my/2023/12/08/permintaan-terhadap-jururawat-lelaki-semakin-tinggi/>